
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

STU333 – Seminar Kerja Sosial

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

Bahagian A (wajib dijawab).

1. Proses menolong klien dipandu oleh model penyelesaian masalah.
 - a. Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan holistik dalam penyelesaian masalah?
 - b. Seorang wanita yang telah didera oleh suaminya datang meminta pertolongan pekerja sosial. Bincangkan tahap-tahap praktis Kerja Sosial yang boleh anda lakukan untuk membantu beliau.

(100 markah)

Bahagian B (Pilih mana-mana DUA (2) soalan untuk dijawab).

2. Seseorang pekerja sosial yang bertindak sebagai agen perubahan perlu menggunakan beberapa strategi. Apakah yang dimaksudkan dengan strategi perubahan? Bincangkan peranan yang perlu dimainkan oleh pekerja sosial dalam ketiga-tiga strategi perubahan tersebut.

(100 markah)

...2/-

3. Bill Jordan (1984) dalam bukunya 'Invitation to Social Work' antara lain, telah membincangkan tentang dilema moral yang dihadapi oleh pekerja sosial profesional. Bincangkan dengan menggunakan contoh yang bersesuaian.
- (100 markah)
4. Sebagai pekerja sosial, anda ditempatkan di sebuah sekolah rendah. Ahmad merupakan seorang kanak-kanak lelaki berumur 8 tahun. Ahmad didapati menumbuk kanak-kanak lain jika mereka mengejeknya. Perkara ini kerap berlaku pada waktu rehat dan waktu-waktu ketiadaan guru dalam bilik darjahnya. Ahmad akan menumbuk gurunya jika ia cuba meleraikan pergaduhan tersebut. Dengan menggunakan teori tertentu, bincangkan bagaimana anda dapat membantu dalam kes ini.
- (100 markah)
5. Antara teori yang penting dalam Kerja Sosial ialah teori pembelajaran sosial dan teori sistem sosial. Bincangkan kedua-dua teori tersebut menggunakan contoh yang bersesuaian.
- (100 markah)

- oo o0o oo -